

Lulu buka 4 cawangan baharu

Sasar bandar besar bagi lokasi pembukaan cawangan baharu pada tahun 2020

NOOR AZURA SAHRIL

Pasar Raya Besar Lulu dijangka membuka empat lagi cawangan baharu di beberapa buah bandar besar di negara ini menjelang akhir tahun 2020.

Lokasi cawangan baharu itu termasuklah Setia City Mall, Bangi Gateway, Bachang di Melaka dan Johor Bahru.

Pengerusi Kumpulan Lulu, Yusuff Ali MA berkata, pihaknya teguh dalam perancangan mengembangkan lagi perniagaan di Malaysia seperti yang dikatakan pada pelancaran pasar raya per-

Perasmian cawangan baharu itu disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Pasar raya yang berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) itu dibina di atas tapak seluas 80,000 kaki persegi merupakan cawangan kedua yang dibuka di negara ini serta cawangan yang ke-174 di dunia.

Pasar raya itu telah direka bentuk menggunakan konsep ruang runcit terkini dan teknologi paling moden untuk memudahkan an membeli-belah terutamanya kepada penduduk di sekitar Cheras dan berdekatan.

Sehingga kini, Lulu Malaysia menggaji lebih daripada 300 rakyat Malaysia menerusi cawangan pasar raya besarnya di negara ini.

Tambah Yusuff lagi, Pasar Raya Besar Lulu sentiasa menyokong perusahaan kecil dan seder-

hana (PKS) tempatan untuk berkembang bersama dengan menyediakan platform mempromosikan produk perniagaan mereka.


"Ini akan menjadi platform terbaik bagi syarikat tempatan untuk memperluaskan perniagaan mereka dan juga mengeksport produk tempatan ke negara-negara Teluk," katanya.

Pada masa ini terdapat lebih daripada 100 syarikat tempatan yang bekerjasama dengan Lulu Malaysia.

Menurut beliau, pihaknya menyasarkan pertumbuhan AS\$15 juta (AS\$1 = RM4.1335) eksport produk Malaysia ke seluruh dunia.

"Pada tahun 2018, kami mengeksport produk-produk Malaysia seperti buah-buahan, sayur-sayuran, kasut, produk SME, perabot, makanan bernilai AS\$10 juta kepada pasar raya kami di seluruh dunia," katanya.

FOTO: ROSLI TALIB



Saifuddin Nasution bersama Yusuff Ali (kanan), mengadakan lawatan sempena pembukaan cawangan Lulu Hypermarket di 1 Shamelin Mall, Taman Shamelin Perkasa di Cheras, Kuala Lumpur semalam.

ta Lulu di CapsQuare, Jalan Mumshil Abdulllah tiga tahun lalu.

"Kami juga meneroka pasaran lain di Malaysia dan berharap dapat mewujudkan lebih daripada 5,000 peluang pekerjaan kepada tenaga kerja di negara ini," katanya selepas pembukaan pasar raya itu di 1 Shamelin Mall di Cheras, Kuala Lumpur semalam.